INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Kementerian Kewangan Malaysia
Persiaran INSPEN
43000 Kajang
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603 - 8911 8800
Faks : 603 - 8925 8100
Laman Web : http://www.inspen.gov.my

Ruj. Kami : INSPEN.600-4/2/1(27)
Tarikh : 21 Disember 2020

Senarai Edaran Seperti di **Lampiran A**

YBhg. Profesor Dato'/ Profesor Dr. / Profesor Madya / Dr / Tuan / Puan,

HEBAHAN DANA PENYELIDIKAN MELALUI KOORDINATOR DANA PENYELIDIKAN HARTA TANAH NEGARA (NAPREC), JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Institut Penilaian Negara (INSPEN) adalah Koordinator Kebangsaan dalam penyelidikan harta tanah yang dikenali sebagai National Real Estate Research Coordinator (NAPREC) bermula dari tahun 2002. Sebagai koordinator, INSPEN berperanan sebagai penyelaras dan pengurus dana penyelidikan harta tanah.

3. Sehubungan dengan itu, INSPEN ingin mempelawa para penyelidik yang berminat untuk mengemukakan permohonan penyelidikan di dalam bidang harta tanah bagi mendapatkan dana tersebut. Untuk makluman pihak tuan, permohonan ini terbuka untuk penyelidikan berskala kecil iaitu dalam lingkungan RM50,000.00 ke RM100,000.00 dan tempoh masa untuk menyiapkan projek penyelidikan adalah selama 12 bulan (1 tahun). Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang boleh memberi impak kepada pembangunan harta tanah negara dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

4. Adalah dimaklumkan semua permohonan perlu merujuk kepada Topik Penyelidikan yang dilampirkan dalam **Lampiran B**. Tarikh tutup permohonan adalah **18 Januari 2021**.

5. Mohon pihak tuan layari web INSPEN di http://www.inspen.gov.my dan muat turun perkara berikut:

i. Garis panduan NAPREC,
ii. Borang Permohonan geran;

Setiap permohonan mestilah melalui Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing.

6. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pihak sekretariat seperti berikut:

i.	Pegawai	:	Norain binti Abdul Hamid
	No. Telefon	:	03-8911 1128
	E-mail	:	1naprec@gmail.com norain@inspen.gov.my
ii.	Pegawai	:	Muliati Marliana Mustaffa
	No. Telefon	:	03-8911 1071
	E-mail	:	muliatimarliana@inspen.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap dan mengikut format hendaklah dihantar **pada atau sebelum 18 Januari 2021** secara email atau pos kepada:

Sekretariat NAPREC
Pusat Penyelidikan dan Inovasi
Aras 5, Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Persiaran INSPEN, 43000 Kajang
Malaysia Darul Malaysia.
(Up: Puan Norain binti Abdul Hamid)

7. Kerjasama pihak tuan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Sr HAJI MOHD. NAZRI BIN AHMAD ZAHARI)
Pengarah
Institut Penilaian Negara (INSPEN)
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
Kementerian Kewangan Malaysia